


TH Plantations jual 70 peratus kepentingan dalam THP-YT



Mohd Zaky Zainuddin
March 04, 2020

KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd memeterai perjanjian pembelian saham dengan TDM Bhd bagi melupuskan 70 peratus kepentingan saham dalam THP-YT Plantation Sdn Bhd (THP-YT) dengan pertimbangan tunai RM7 juta.

Sebagai sebahagian daripada cadangan penjualan saham itu, THP berkata, anak syarikat milik sepenuhnya, THP Suria Mekar Sdn Bhd (THPSM), THP-YT dan TDM turut memeterai perjanjian penyelesaian, yang mana pihak terbabit bersetuju bahawa sebahagian pendahuluan antara syarikat berjumlah RM76.68 juta yang masih dihutang oleh THP-YT kepada THPSM, akan diselesaikan.

Yayasan Terengganu (YT) memiliki baki 30 peratus kepentingan dalam THP-YT.

“Selepas cadangan penjualan saham dimuktamadkan, THP-YT akan menjadi anak syarikat kami,” kata TH Plantations dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia.

THPSM adalah unit penajaan dana Islam dengan aktiviti utama adalah melaksanakan penerbitan sukuk dan mengumpul dana kepada atau syarikat berkaitan TH Plantations dan kumpulan syarikatnya.

“TH Plantations meluluskan cadangan pelupusan 14 anak syarikat di bawah langkah rasionalisasi syarikat termasuk cadangan pelupusan THP-YT.

“Proses rasionalisasi dilaksanakan untuk tujuan memulihkan TH Plantations dan meletakkan semula syarikat itu pada kedudukan kewangan yang lebih kukuh,” katanya.